

02 OCT 1996

Mahathir - Umno

TINDAKAN LUAR PARTI TURUT DIAMBIL

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata anggota Umno yang terbukti mengamalkan politik wang, salah guna kuasa dan tidak mematuhi larangan berkempen bukan saja akan menghadapi tindakan parti, malah kedudukan mereka di luar parti juga akan terganggu.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno berkata, segala laporan yang diterima mengenai anggota seperti itu sekarang akan dijadikan panduan dalam menentukan sama ada mereka layak atau tidak menjadi pemimpin, termasuk dalam menentukan calon Barisan Nasional (BN) untuk pilihan raya umum akan datang.

"Kalau kita dapat bukti kita akan ambil tindakan bukan sahaja dalam parti, kemudianpun kita boleh ambil tindakan juga.

"Kalau mereka tak layak kita akan tentukan mereka tak layak tetapi kita perlu ada bukti yang jelas, tuduhan saja tak cukup," katanya ketika ditanya pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani kontrak kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan (EPC) projek hidroelektrik Bakun di sini hari ini.

Kontrak bernilai RM13,600 juta itu ditandatangani antara Bakun Hydro-Electric Corporation Bhd (BHC) dan ABB-CBPO Consortium.

Dr Mahathir mengakui mungkin terdapat anggota yang terlibat itu terlepas daripada tindakan parti menjelang pemilihan minggu depan kerana kekurangan bukti atau kesuntukan masa.

Bagaimanapun, jika terdapat bukti yang kukuh selepas pemilihan parti, tindakan tetap akan diambil terhadap mereka, katanya.

"Kalau tak ada bukti dia dapat terus bertanding, kalau ada bukti penyelewengan ataupun kecurangan maka kita akan ambil tindakan sama ada sebelum atau selepas," kata beliau.

Dr Mahathir turut diminta mengulas kenyataan Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat, mengenai beberapa anggota MT, timbalan menteri dan exco negeri sedang disiasat berhubung perkara itu.

"Saya tak dapat maklumat penuh. Setakat yang saya tahu tak ada recommendation (perakuan) suruh buang sesiapa," katanya.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, turut ditanya mengenai pertemuannya dengan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik semalam.

Perdana Menteri berkata Dr Lim memberitahunya mengenai usaha pihak tertentu cuba menyalahafsirkan perintah sementara yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi di sini berhubung pencalonan Anggota Parlimen Batu Datuk Joseph Chong untuk bertanding jawatan Presiden Gerakan Sabtu ini.

"Itu terpulang kepada Gerakan untuk membuat keputusan, saya tidak mahu memaksa orang membuat sesuatu," katanya.

Chong dikatakan "memberi gambaran yang salah" mengenai satu perintah mahkamah Sabtu lepas bagi membolehkannya bertanding jawatan presiden parti itu.

Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Pemilihan Gerakan, Tan Sri Chan Choong Tak berkata demikian semalam selepas para peguam Gerakan dan peguam Chong menemui Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Abdul Kadir Musa, bagi mendapatkan penjelasan berhubung perintah sementara itu.

-- BERNAMA

AH MAI